

SEBAHAGIAN penduduk Taman Kepong Baru mengadakan bantahan aman bagi mendesak Jabatan Pengairan dan Saliran membayar pampasan atas kerugian mereka ekoran banjir kilat yang berlaku di Jalan Antoi, Kepong baru-baru ini.



Penduduk Taman Kepong Baru tuntutan pampasan

Banjir: JPS didakwa jadi punca

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**

kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 1 Mei - Kira-kira 50 penduduk perumahan Taman Kepong Baru, Jalan Antoi di sini berkumpul bagi mendesak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membayar pampasan atas kerugian yang dialami mereka akibat banjir kilat di kawasan perumahan di situ kira-kira dua minggu lalu.

Penduduk mendakwa kejadian

yang berlaku kira-kira pukul 4 petang itu bukan disebabkan bencana alam, sebaliknya kecuaiannya pihak berkenaan.

Ini berikutan tindakan JPS membina tebing tanah bagi menjalankan kerja-kerja mendalamkan kolam sejak enam bulan lalu, menyebabkan kolam projek tebatan banjir berhampiran tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

Seorang penduduk, Tan Sen Yeow, 53, berkata, kejadian itu telah mengakibatkan sebahagian ru-

mah penduduk dinaiki air yang melimpah dari sungai berhampiran rumah mereka.

Menurutnya, ketika kejadian, dia tidak berada di rumah menyebabkan banyak barangan tidak dapat diselamatkan.

"Rumah saya paling teruk terjejas kerana terletak paling hampir dengan sungai.

"Kerugian dianggarkan kira-kira RM10,000. Bukan sahaja barangan rumah seperti perabot dan peralatan elektrik rosak, kereta di

hadapan rumah juga turut ditenggelami air sedalam kira-kira tiga kaki," katanya ketika ditemui selepas menyertai sesi bantahan yang diadakan di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pusat Perkhidmatan Komuniti Kepong, Yee Poh Ping berkata, air dari Sungai Keroh sepatutnya masuk ke dalam kolam itu tetapi bila ada tebing yang menghalangnya, air telah berpatah balik sehingga menyebabkan kawasan perumahan di situ dinaiki air.

Poh Ping berkata, pertemuan te-

lah diadakan bersama JPS pada 19 April lalu.

"Pihak JPS memaklumkan akan menyiasat perkara itu dan meminta sedikit masa sebelum bertemu penduduk pada 10 Mei ini bagi menjelaskan keadaan yang sebenar," ujarnya.

Beliau berkata, pada masa sama, pihaknya meminta pemilik 105 unit rumah terlibat menyedai salinan resit dan anggaran kerugian yang ditanggung akibat kejadian itu.